

Headline	Balu wira Ops Daulat terima sumbangan FAMA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	41	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	403 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,344
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,032



## Balu wira Ops Daulat terima sumbangan FAMA



Che Zakaria (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan daripada FAMA Sabah kepada Nurunnisa di Senawang Perdan, semalam.  
(Foto Hasriyasyah Sabudin/BH)

**Seremban:** "Sebenarnya saya terkejut apabila mendapat maklumat daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah mengenai sumbangan ini kerana seperti sudah senyap sikit," kata Nurunnisa Abu Bakar, 48, balu kepada Sarjan Mejar Sabaruddin Daud yang terkorban ketika Ops Daulat di Sabah, pada 2013.

Nurunnisa menerima sumbangan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah, hasil kutipan derma daripada orang awam yang disampaikan Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman, semalam.

Wanita itu berkata, walaupun sudah lebih enam tahun berlalu, rakyat Malaysia khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah melupakan waris kepada pegawai dan anggota yang terkorban dalam pertempuran untuk mempertahankan kedaulatan negara itu.

"Saya terkejut apabila mendapat maklumat daripada IPK Sabah, FAMA mahu memberikan sumbangan. Saya fikir apabila sudah lama berlalu, orang ramai sudah mula melupakan kejadian itu dan pejuang yang terkorban.

"Terharu juga kerana kutipan itu daripada pasar tani. Rasa ma-

cam penduduk Sabah menghargai perjuangan arwah dan saya turut mengucapkan terima kasih kepada PDRM serta FAMA kerana walaupun sudah berpindah, mereka tetap mencari saya di Seremban," katanya.

Nurunnisa ditemui di rumahnya di Senawang, di sini, sejurus majlis penyampaian sumbangan yang disempurnakan Che Zakaria serta turut dihadiri Pegawai Ehwal Ekonomi FAMA Kuala Pilah yang mewakili FAMA.

Sementara itu, Che Zakaria berkata, sumbangan hasil kutipan derma di lebih 500 pasar tani di seluruh Sabah sejak 2013 dan disalurkan kepada lapan keluarga pegawai dan anggota yang terkorban dalam Ops Daulat pada Mac 2013 di Sabah.

"PDRM memang tidak pernah melupakan keluarga atau waris kepada pegawai dan anggota kami yang terkorban. Unit khas 69 Komando (VAT 69) juga sering menghubungi keluarga Nurunnisa memandangkan arwah anggota dari unit berkenaan.

"Sabaruddin seorang yang terkorban pada hari pertama di dalam satu pertempuran yang saya anggap paling berani kerana mereka bertempur dengan pengganas Sulu dalam jarak tiga pokok batang kelapa sawit sahaja," katanya.